



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Muar
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
JKR 242, Jalan Arab
84000 Muar, Johor Darul Ta'zim

Tel: 06-9371750
Fax: 06-9531590
Email: ppd_muar@moe.gov.my
Web: www.ppdmuar.my

Ruj. Kami
Tarikh

: JPA5007/100-5/5/4 (19)
: 19 APRIL 2017

Pengetua / Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Muar.

Tuan,

**PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA (TPSM) BAGI MURID
PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH DAN TINGKATAN ENAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI 2017**

Surat KPM.800-4/1/33 Jld. 2 (3) bertarikh 9 Januari 2017 dan JPNJ.HEM(36)100-19/4 Jld.17()
bertarikh 10 April 2017 berkaitan maksudnya.

2. Sehubungan dengan itu surat saran dari KPM dan garis panduan Skim Takaful Pelajar
Sekolah Malaysia (TPSM) akan diteruskan. Bersama-sama ini disertakan nombor sijil TPSM dan
tatacara TPSM untuk tindakan dan makluman pihak tuan selanjutnya.


3. Kerjasama dan keprihatinan tuan amat dihargai. Sebarang pertanyaan sila rujuk kepada En.
Norhasini bin Ishak, Penyelia Kanan HEM Unit Pembangunan Kemanusiaan, PPD Muar di talian 012-
3586913.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya

Terima kasih.

" SEHATI SEJIWA "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


PURNAMA BIN DEMAN
Pegawai Pendidikan Daerah Muar
Johor Darul Ta'zim

s.k: 1. Pegawai Pendidikan Daerah Muar
2. Fail



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
JALAN TUN ABDUL RAZAK
80604, JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM




Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpni.johor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Ruj. Kami: JPNJ.HEM(36)100-19/4JLD.17 ()

Tarikh : 10 April 2017

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah,
Negeri Johor.
(u.p : Penyelia Kanan HEM)



Tuan,

PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA (TPSM) BAGI MURID PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH DAN TINGKATAN ENAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI 2017

Dengan segala hormatnya surat dari Kementerian Pendidikan Malaysia bil. KPM.800-4/1/33 Jld. 2 (3) bertarikh 09 Januari 2017 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan surat tersebut yang dengan sendiri menerangkan maksudnya. Sukacita dapat pihak tuan memanjangkan surat berkenaan ke semua sekolah yang terlibat di bawah pentadbiran tuan untuk tindakan selanjutnya.

3. Sila hubungi En. Rosli Bin Hussin, Penyelia Kanan Kebajikan ditalian 017-7791702 atau 07-2311488 untuk sebarang pertanyaan. Kerjasama tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI YASMAN BIN JAMSIR)

Ketua Sektor
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor.

Nah/Rh.





PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
~~KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KPM.800-4/1/33 Jld. 2 (3)
9 Januari 2017

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA (TPSM) BAGI MURID PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH DAN TINGKATAN ENAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI 2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan, Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) akan diteruskan bagi tahun 2017. Nombor Sijil TPSM yang berkuatkuasa bermula daripada 01/01/2017 sehingga 31/12/2017 ialah **PTP-P0019330-04-DIR-17**.

3. Jangka masa perlindungan bagi semua murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dalam skim ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Tempoh perlindungan berkuatkuasa dari 1 Januari tahun semasa sehingga 31 Disember tahun semasa.
- 3.2 Skim ini menyediakan perlindungan 24 jam sehari yang meliputi seluruh dunia.
- 3.3 Kekecualian, skop perlindungan, jadual manfaat dan syarat-syarat adalah seperti yang dilampirkan dalam **APPENDIX A**.

4. Peserta skim dan syarat penyertaan ialah seperti di bawah:

- 4.1 Peserta skim terdiri daripada murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam, **warganegara Malaysia** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan sumbangan RM1.50 setahun bagi setiap murid dan sumbangan ini ditanggung oleh kerajaan.

4.2 **Murid bukan warganegara** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan boleh menyertai Skim TPMS ini dengan membayar sumbangan TPMS sebanyak RM1.60 (termasuk GST) setahun melalui sekolah masing-masing. Pihak sekolah diminta mengumpul bayaran sumbangan ini dan menyerahkan kepada pihak Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Senarai nama murid bukan warganegara dan maklumat bayaran sumbangan TPMS hendaklah disediakan untuk simpanan dan rujukan di sekolah masing-masing.

4.3 Perlindungan ke atas murid-murid ini **tamat serta merta apabila murid tersebut berhenti atau diberhentikan daripada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.**

5. Bayaran sumbangan Skim TPMS ini akan dibayar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Kewangan) terus kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

6. Panduan dan tatacara tuntutan pampasan adalah seperti dalam **APPENDIX B**. Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad melalui pihak sekolah dengan menggunakan **Borang Tuntutan Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia** yang boleh diperolehi di Cawangan Takaful Malaysia Berhad yang berdekatan atau dimuat turun dari laman web Syarikat Takaful Malaysia Berhad www.takaful-malaysia.com.my dan disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan sebagaimana yang telah ditentukan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dirujuk kepada mana-mana cawangan atau Ibu Pejabat Takaful Malaysia Berhad.

7. Sehubungan dengan itu, jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan. Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan TPMS ini boleh dibuat ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) di alamat e-mail bahrin@moe.gov.my atau telefon 03-88849432/03-88849390. Bahan dan panduan pelaksanaan TPMS boleh dimuat turun melalui laman web KPM di alamat <http://www.moe.gov.my>.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"SEHATI DAN SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk: Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Senarai Edaran

1. **Pengarah**
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Telefon:603 8884 9370
Faks:603 88886671

2. **Pengarah**
Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Telefon:03 - 8884 5154
Faks:03- 8884 5047

3. **Pengarah**
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor
Telefon:03 - 83217400
Faks:03- 83217403/7402/7401

4. **Pengarah**
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Telefon:03 – 8884 9536
Faks:03- 8888 6676/6679

5. **Pengarah**
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras Bawah Dan Aras 2
No.2251 Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Telefon:03 – 8321 7200
Faks:03- 83217201

6. **Pengarah**
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Telefon:03 - 8884 1002
Faks:03- 8888 6790

7. **Pengarah**
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Telefon:03 - 8884 9190
Faks:03- 8884 6659

8. **Pengarah**
Bahagian Kokurikulum & Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Telefon:03 - 88721610
Faks:03- 8872 1608

9. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Perlis

10. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Kedah

11. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

12. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Perak
13. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Selangor
14. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan W.P. Kuala Lumpur
15. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
16. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Melaka
17. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Johor
18. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Pahang
19. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Terengganu
20. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Kelantan
21. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Sarawak
22. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan Sabah
23. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan W.P. Labuan
24. **Pengarah Pendidikan**
Jabatan Pendidikan W.P. Putrajaya



IBU PEJABAT:
Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K)
 Tingkat 26, Blok Annexe Menara Takaful Malaysia.
 No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
 Tel: 1-300-8-TAKAFUL (825 2385)
 Fax: 603-22740237

Email: csu@takaful-malaysia.com.my

APPENDIX A

SIJIL TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA (TPSM)

BAHAWASANYA Kementerian Pelajaran Malaysia (kemudian daripada ini dipanggil "Peserta") seperti yang dicatat di dalam Jadual telah memohon untuk melindungi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di Malaysia (kemudian daripada ini dipanggil "pelajar yang dilindungi") dalam skim takaful ini yang diuruskan oleh **SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (kemudian daripada ini dipanggil "Syarikat") dan telah membayar atau bersetuju membayar sumbangan takaful sebagai balasan bagi penyertaan untuk tempoh Takaful yang tercatat di dalamnya.

MAKA SIJIL INI MENYAKSIKAN bahawa semasa tempoh Takaful jika mana-mana orang yang dilindungi mendapat kecederaan tubuh badan, yang menyebabkan kematian atau keilatan seperti yang didefinisikan, maka (tertakluk kepada syarat-syarat kekecualian, peruntukan dan peraturan yang terkandung atau yang diendos di atas sijil) Syarikat akan membayar kepada sekolah berkenaan suatu jumlah wang seperti yang tercatat di dalam Jadual Manfaat dan pengesahan penerimaan oleh Peserta, Guru Besar atau Pengetua sekolah merupakan perlepasan yang muktamad dan sepenuhnya kepada syarikat.

KEKECUALIAN

Sijil ini tidak melindungi:

1. Kematian atau keilatan atau kecederaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan dari:
 - a. peperangan, pelanggaran, tindakan musuh luar, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, revolusi, hasutan pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan undang-undang tentera, pemogokan atau kegemparan awam.
 - b. bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau cubaan bunuh diri dan kecederaan yang disengajakan, pembunuhan, kegiatan-kegiatan jahat (gangsterism), jenayah atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan;
 - c. penyakit atau wabak;
 - d. pengaruh alkohol dadah atau bahan-bahan berunsur kimia;
 - e. mengandung, melahirkan atau keguguran;
 - f. perlumbaan, ujian kelajuan atau ujian am kenderaan bermotor;
 - g. keilatan yang telah sedia wujud;
 - h. aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang dan Syariah

2. Kematian atau keilangan atau kehilangan akibat melibatkan diri dalam sukan merbahaya seperti memburu, luncur (ski) air, penerjunan 'bungee', polo, payung terjun, penerjunan paragliding, perlumbaan bermotor, tinju, gusti dan aktiviti sukan air yang menggunakan alat pemaafasan kecuali aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.
3. Kematian atau keilangan yang secara langsung atau tidak langsung atau timbul atau disebabkan dari:
 - a. Sinaran mengion, pancaran atau jangkitan oleh radioaktif daripada mana-mana bahan buangan nuklear. Bagi maksud kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa penahanan sendiri proses pembelahan nuklear.
 - b. Bahan senjata nuklear.

Kekecualian di atas tidak berkait dengan manfaat (D) kecuali 1a, 1b, 1d, 1h dan 3a & b.

PERLINDUNGAN

KECEDERAAN TUBUH BADAN yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dengan cara yang boleh dilihat iaitu bebas daripada lain-lain sebab yang menyebabkan:

1. **KEMATIAN** berlaku dalam tempoh 12 bulan bersabit kecederaan tubuh badan akibat daripada kemalangan.
2. **LUMPUH BERKEKALAN SELURUH BADAN**
Akibat kemalangan.
3. **TERPISAH ATAU PUTUS ANGGOTA DARI BADAN ATAU KEHILANGAN PENGLIHATAN** akibat kemalangan seperti berikut:
 - a. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan atau
 - b. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali atau
 - c. Kehilangan kekal penglihatan yang berkekalan kedua-dua belah mata, akibat kemalangan.

* Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan dalam (a), (b) & (c) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM 22,000.00
4. **KHAIRAT KEMATIAN** - mati akibat sakit biasa.
5. **ELAUN WANG TUNAI HOSPITAL** bagi setiap hari dan selama tempoh dimasukkan ke Hospital Kerajaan/ Swasta disebabkan oleh kemalangan sehingga maksima 60 hari berturut-turut mulai daripada tarikh masuk wad
6. **ELAUN KERUSI RODA** - Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku musibah ke atas Orang Yang Dilindungi yang diakibatkan oleh kemalangan dan menyebabkan kecacatan kekal, Syarikat akan membuat bayaran balik kepada Orang Yang Dilindungi kos sebenar pembelian kerusi roda sehingga jumlah maksima sebanyak RM1,000.00. Pembelian kerusi roda untuk membantu mobiliti Orang Yang Dilindungi sentiasa tertakluk kepada cadangan pakar ortopedik/pakar bedah ortopedik.

SYARAT-SYARAT

1. TAKRIF

Sijil ini dan Jadual hendaklah dibacakan bersekali sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau perbincangan iaitu makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian yang terdapat dalam Sijil atau Jadual tersebut adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ia terdapat.

2. SYARAT UTAMA (Condition Precedent)

Pematuhan kepada syarat-syarat sijil setakat mana yang ianya berkaitan kepada perkara-perkara yang dilakukan atau yang tidak perlu dilakukan oleh peserta hendaklah merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa tanggungan Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah sijil ini.

3. NOTIS

Setiap notis atau pemberitahuan yang diberi di bawah sijil ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah dihantar dengan tangan kepada Ibu Pejabat atau mana-mana cawangan Syarikat.

4. MAKLUMAT DAN BUKTI KECEDERAAN

Semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibekalkan atas perbelanjaan orang-orang yang dilindungi dan hendaklah di dalam bentuk dan jenis yang ditetapkan oleh Syarikat. Sekiranya berlaku kemalangan, Peserta melalui Guru Besar atau Pengetua Sekolah hendaklah mengatur orang yang dilindungi untuk pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat di atas perbelanjaan orang-orang yang dilindungi ke atas sebarang kecederaan tubuh badan, jika diperlukan.

5. KECEDERAAN TUBUH BADAN

Dalam kes kecederaan tubuh badan yang dilindungi di bawah sijil ini:

- a. Orang yang dilindungi hendaklah berusaha dan bertindak mengikut nasihat pakar perubatan bertauliah secepat mungkin;
- b. Notis bertulis hendaklah dihantar kepada Syarikat oleh Guru Besar atau Pengetua sekolah secepat mungkin tidak melebihi tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kemalangan yang mengakibatkan kecederaan.

6. SYARAT KELENYAPAN

Tertakluk kepada syarat-syarat, had-had, peraturan-peraturan dan kekecualian pada sijil ini kecuali yang khusus diperuntukkan di dalamnya, jika pelajar yang dilindungi didapati lenyap semasa Takaful ini berkuatkuasa dan tubuh badannya tidak dijumpai dalam tempoh satu tahun selepas kelenyapan tersebut, dan bukti yang mencukupi dikemukakan dimana Syarikat berpuashati dan kesimpulan dibuat bahawa beliau mendapat kemalangan kecederaan tubuh badan dan kecederaan tersebut menyebabkan kematian, Syarikat akan terus membayar manfaat kematian di bawah Takaful ini dengan syarat orang yang menerima bayaran tersebut hendaklah menandatangani dan bersetuju untuk memulangkan bayaran tersebut kepada Syarikat sekiranya pelajar berkenaan seterusnya dijumpai masih hidup.



7. **PEMBAHARUAN SECARA OTOMATIK**

Sijil ini akan diperbaharui secara automatik apabila sampai tempoh tamatnya dan sumbangan akan ditetapkan, melainkan diarahkan sebaliknya.

8. **PEMBATALAN SIJIL PERLINDUNGAN**

Syarikat boleh membatalkan sijil ini dengan menghantar notis (7) hari secara surat berdaftar kepada Peserta di alamat yang didaftarkan. Begitu juga Sijil ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Peserta dengan memberi notis (7) hari kepada Syarikat.

9. **TANGGUNGAN SYARIKAT**

Syarikat tidak bertanggung bagi apa-apa tuntutan yang berlaku sekiranya Sumbangan Takaful tidak dibayar oleh mana-mana pelajar yang dilindungi.

10. **TIMBANGTARA**

Semua perbezaan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berbeza pendapat atau jika mereka tidak bersetuju terhadap Penimbangtara tunggal, maka kepada keputusan dua orang Penimbangtara seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa sebulan kalendar selepas dipertukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau sekiranya Penimbangtara-Penimbangtara itu tidak bersetuju, seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-Penimbangtara sebelum meneliti rujukan kes berkenaan. Pengadil hendaklah bersidang dengan Penimbangtara-Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat itu dan keputusan yang dibuat hendaklah merupakan syarat terdahulu kepada hak untuk membawa tindakan terhadap syarikat.

11. **REBAT TANPA TUNTUTAN**

Sumbangan Takaful, setelah ditolak Yuran Wakalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan dan Akuan akan dikreditkan ke dalam Dana Takaful Am Syarikat (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "DTA"). Syarikat akan melabur dan menguruskan DTA selaras dengan Syariah. Sebarang lebih daripada DTA, jika ada, akan ditentukan dan diagihkan mengikut budi bicara mutlak Syarikat di mana amaun pengagihan lebih tahunan di antara Peserta dan Syarikat adalah mengikut nisbah berikut:

- (a) 50% daripada lebih yang diagihkan akan dibayar kepada Peserta; dan
- (b) 50% daripada lebih yang diagihkan akan dibayar kepada Syarikat.

Dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat dan tiada manfaat telah diterima oleh Peserta sepanjang Tempoh Takaful semasa.

Lebih dari DTA adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi sebenar Syarikat dan akan digunakan terlebih dahulu untuk menyelesaikan sebarang Qardh terhutang kepada Syarikat.

Perkataan Wakalah seperti yang disebutkan di atas merujuk kepada satu kontrak Syariah di mana Peserta melantik Syarikat menjalankan transaksi bagi pihaknya untuk melabur dan menguruskan Sumbangan dalam GTF. Sebagai pulangnya, Peserta membenarkan Syarikat membuat potongan yang tertentu sebagai Yuran Wakalah untuk perkhidmatan yang diberi.

12. **BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL**

Untuk sebarang amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar kepada Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada amaun dari tuntutan, pembatalan dan rebat tanpa tuntutan yang kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Syarikat akan mendermakan amaun tersebut untuk amal kebajikan yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah Syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya Peserta memutuskan sebaliknya, Peserta harus membuat permohonan rasmi kepada Syarikat sebelum tarikh bayaran patut dibayar.

JADUAL MANFAAT

SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN MANFAAT (RM)						
A. KEMATIAN akibat kemalangan	5,500.00						
B. LUMPUH berkekalan seluruh badan akibat kemalangan	22,000.00						
C. TERPISAH ATAU PUTUS ANGGOTA DARI BADAN ATAU KEHILANGAN PENGLIHATAN akibat kemalangan seperti berikut: <table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 80%;"> a. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan, atau b. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali, atau c. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata </td> <td style="width: 10%; text-align: center; vertical-align: middle;">}</td> <td style="width: 10%; text-align: center; vertical-align: middle;">22,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2">* Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan dalam C(a), (b) & (c) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM20,000.00</td> <td style="text-align: center;">11,000.00</td> </tr> </table>	a. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan, atau b. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali, atau c. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata	}	22,000.00	* Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan dalam C(a), (b) & (c) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM20,000.00		11,000.00	
a. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan, atau b. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali, atau c. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata	}	22,000.00					
* Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan dalam C(a), (b) & (c) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM20,000.00		11,000.00					
D. KHAIRAT KEMATIAN - mati akibat sakit biasa	1,500.00						
E. ELAUN TUNAI HOSPITAL bagi setiap hari selama tempoh dimasukkan ke Hospital Kerajaan/Swasta disebabkan oleh kemalangan dan tidak melebihi 60 hari berturut-turut dari tarikh masuk wad.	25.00 sehari						
F. ELAUN KERUSI RODA - Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku musibah ke atas Orang Yang Dilindungi yang diakibatkan oleh kemalangan dan menyebabkan kecacatan kekal, Syarikat akan membuat bayaran balik kepada Orang Yang Dilindungi kos sebenar pembelian kerusi roda sehingga jumlah maksima sebanyak RM1,000.00. Pembelian kerusi roda untuk membantu mobiliti Orang Yang Dilindungi sentiasa tertakluk kepada cadangan pakar ortopedik/pakar bedah ortopedik.	RM1,000.00						

PERUNTUKAN

- Jumlah semua manfaat yang akan dibayar bersabit dengan kemalangan ke atas orang-orang yang dilindungi tidak akan melebihi amaun maksima manfaat A atau B atau manfaat D. Sekiranya amaun manfaat maksima telah dibayar kepada seseorang yang dilindungi maka semua perlindungan ke atasnya adalah dimasukkan dan tidak berhak lagi mendapat manfaat seterusnya.
- Apabila orang-orang yang dilindungi didapati menaiki satu-satu pengangkutan secara bersama-sama, sekiranya berlaku kemalangan maka tanggungjawab Syarikat ke atas orang-orang tersebut adalah tidak melebihi RM 5,000,000.00. Syarikat akan membayar manfaat ke atas orang-orang tersebut secara purata.
- Tertakluk kepada syarat-syarat, had-had, peraturan-peraturan dan kekecualian dalam sijil ini kecuali yang khas dinyatakan di dalamnya, jika orang yang dilindungi didapati hilang di dalam tempoh Takaful dan jasadnya tidak dijumpai dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kehilangan, maka Syarikat akan membayar manfaat kematian di bawah Takaful ini.

*Tertakluk kepada terma dan syarat didalam sijil TPMSM



TAKAFULmalaysia

IBUPEJABAT:

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K)

Tingkat 26, Blok Annexe Menara Takaful Malaysia.

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-8-TAKAFUL (825 2385)

Fax: 603-22740237

Email: csu@takaful-malaysia.com.my

APPENDIX B

TATACARA TUNTUTAN

1. TATACARA TUNTUTAN PAMPASAN

- 1.1 Notis Pemberitahuan Kemalangan/Tuntutan mestilah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan.
- 1.2 Murid atau waris boleh mengemukakan tuntutan terus ke cawangan Takaful yang berdekatan melalui sekolah dengan menggunakan Borang Tuntutan TPMSM yang dikeluarkan oleh Takaful Malaysia.
- 1.3 Borang Tuntutan hendaklah diisikan oleh sekolah berkenaan dengan mendapat pengesahan dan perakuan daripada Pengetua, Guru Besar atau Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) sekolah.
- 1.4 Guru Besar/Pengetua hendaklah memastikan bahawa :
 - a. Murid yang menuntut adalah murid yang sah dan berdaftar di sekolah berkenaan.
 - b. Tuntutan yang dibuat benar-benar berada di bawah skop perlindungan yang dinyatakan.
- 1.5 Borang Tuntutan hendaklah diisi dengan betul dan tepat.
- 1.6 Semua borang mesti ditandatangani oleh Guru Besar, Pengetua atau Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM)
- 1.7 Bayaran manfaat tuntutan akan dimasukkan kedalam akaun bank penama seperti dalam "**LAMPIRAN A**"



TAKAFULmalaysia

2. DOKUMEN TUNTUTAN PAMPASAN

Dokumen Tuntutan boleh dimuat turun di laman web Syarikat Takaful Malaysia Berhad di alamat takaful-malaysia.com.my ATAU di cawangan Takafum Malaysia Berhad.

Untuk memudahkan proses tuntutan, dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan :-

Jenis Tuntutan		Dokumen Berkaitan
A	Tuntutan Kematian Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Lampiran A ii. Borang Tuntutan TPSM (diisi lengkap) iii. Laporan Polis (Kematian kemalangan sahaja) iv. Salinan Sijil Kematian/Permit Menguburkan *Perlu disahkan oleh Pihak Sekolah
B	Khairat Kematian	<ul style="list-style-type: none"> i. Lampiran A ii. Borang Tuntutan TPSM (diisi lengkap) iii. Salinan Sijil Kematian/Permit Menguburkan *Perlu disahkan oleh Pihak Sekolah
C	Tuntutan Lumpuh Berkekalan/Terpisah atau Hilang Anggota	<ul style="list-style-type: none"> i. Lampiran A ii. Borang Tuntutan TPSM (diisi lengkap) bersama-sama dokumen sokongan termasuk gambar sebelum dan selepas kemalangan dan Laporan Perubatan/Pakar (kos laporan ditanggung oleh waris). iii. Laporan Polis
D	Tuntutan Elaun Tunai Hospital	<ul style="list-style-type: none"> i. Lampiran A ii. Borang Tuntutan TPSM (diisi lengkap) iii. Pengesahan Rawatan / Ward Chit / Discharge Note.
E	Elaun Kerusi Roda	<ul style="list-style-type: none"> i. Lampiran A ii. Borang Tuntutan TPSM (diisi lengkap) bersama-sama dokumen sokongan termasuk gambar sebelum dan selepas kemalangan dan Laporan Perubatan/Pakar (kos laporan ditanggung oleh waris). iii. Salinan bil asal pembelian Kerusi Roda

3. PANDUAN MENGGISI BORANG DAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN TPSM

- i. Sebelum mengemukakan tuntutan, Guru Besar/Pengetua Sekolah hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :-
 - a. Bahawa murid yang menuntut adalah murid yang sah berdaftar di sekolah berkenaan.
 - b. Bahawa tuntutan yang hendak dibuat adalah berhak memperolehi manfaat di bawah TPSM.
- ii. Semua Borang Tuntutan hendaklah diisi dengan betul oleh sekolah berkenaan dengan ditandatangani oleh Guru Besar/Pengetua sekolah terbabit. Semua dokumen sokongan tuntutan wajib disahkan sebagai salinan asal oleh pihak sekolah (Pengetua, Guru Besar atau Guru Hem)
- iii. Semua ruang di Borang Tuntutan hendaklah diisi dengan panduan berikut :

RUANG I : BUTIR-BUTIR PELAJAR

Ruang ini adalah untuk menyatakan maklumat murid yang membuat tuntutan dan butir-butir sekolah. Perlu diisi bagi semua jenis tuntutan

RUANG II : BUTIR-BUTIR KEMALANGAN/KEMATIAN

Ruang ini adalah untuk menyatakan kejadian kemalangan/kematian murid. Bagi tuntutan kematian biasa untuk manfaat D (Khairat Kematian), hanya ruang A perlu dipenuhi. Tuntutan lain-lain manfaat, ruang A, B dan C perlu dipenuhi.

RUANG III : JENIS TUNTUTAN YANG DIKEMUKAKAN

Sebelum ruang ini dipenuhi, Guru Besar/Pengetua Sekolah perlu terlebih dahulu mengenal pasti jenis tuntutan manfaat yang hendak dikemukakan:

RUANG IV : ARAHAN PINDAHAN TERUS

Ruang ini adalah untuk menyatakan butir perihalan penama penerima bayaran tuntutan dan akaun bank penama tersebut. Wajib diisi bagi semua jenis tuntutan.

RUANG V : PENGESAHAN DAN PERAKUAN

Ruang ini adalah untuk pihak Pengetua, Guru Besar atau Guru HEM memberi pengesahan dan perakuan pelajar yang membuat tuntutan adalah murid sah berdaftar dan layak untuk membuat tuntutan selanjutnya.

RUANG A : Bagi tuntutan manfaat A dan/atau D

RUANG B : Bagi tuntutan manfaat B atau C. Jika tuntutan adalah untuk manfaat C, sila tandakan jenis hilang upaya yang menimpa murid.

Bagi tuntutan ini (menuntut B atau C), pengesahan doktor adalah dikehendaki untuk pengesahan hilang upaya. Sila dapatkan pengesahan berkenaan daripada doktor yang kena memenuhi ruang berkaitan.

RUANG C : Adalah untuk tuntutan manfaat E dan F.

- iv. Semua tuntutan hendaklah disokong dengan dokumen berkaitan sepertimana yang dinyatakan dalam ruang III (A,B dan C).
- v. Pengesahan dan perakuan tuntutan hendaklah dibuat oleh Guru Besar/Pengetua Sekolah di ruang V.
- vi. Borang Tuntutan yang telah dipenuhi disertai dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan boleh dikemukakan kepada mana-mana pejabat Cawangan Takaful Malaysia atau dihantar terus kepada :

URUSETIA TUNTUTAN TPSM

Syarikat Takaful Malaysia Berhad,
Tingkat 26, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 603-22681984, Tol Free : 1 800 387180

Fax : 603-22741464

E-mail : csu@takaful-malaysia.com.my



TAKAFULmalaysia

Head Office:

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD (131646-K)
26th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur

W takaful-malaysia.com.my
T 1-300 8 TAKAFUL (825 2385)
F 603.2274 0237
E csu@takaful-malaysia.com.my

TARIKH PLA	
KOD PEJABAT YANG MENERIMA LAPORAN INI	
NO. SIRI	

**BORANG TUNTUTAN
SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA**

PERINGATAN

1. BORANG INI PERLU DIISI OLEH PIHAK SEKOLAH MALAYSIA SAHAJA.
2. PIHAK SEKOLAH DIWAJIBKAN MEMBERI MAKLUMAT-MAKLUMAT DENGAN BETUL DAN SEPENUHNYA.
3. SYARIKAT BERHAK TIDAK MELAYANI TUNTUTAN INI JIKA BORANG INI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP DAN SEMPURNA.
4. PENERIMAAN BORANG INI BUKANLAH BERERTI DENGAN SENDIRINYA TANGGUNGAN DIAKUI OLEH SYARIKAT.

I. BUTIR-BUTIR PELAJAR

Nama	No. K/P	
Alamat Kediaman	Tarikh Lahir	
	No. Telefon	
	No. Pendaftaran Pelajar	
Nama Sekolah	Tarikh Masuk Sekolah ini	
Alamat Sekolah	Kod Sekolah	
	No. Sijil Premia	
Alamat E-mel	No. Fax	
No. Telefon		
Adakah Pelajar ini mengalami apa-apa kecacatan fizikal sebelum berlakunya kemalangan ini?	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
Pernahkah Pelajar ini membuat tuntutan bersabit dengan kemalangan diri dari mana-mana Syarikat Takaful atau Insurans sebelum ini?	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak

II. BUTIR-BUTIR KEMALANGAN / KEMATIAN (UNTUK KEMATIAN BIASA SILA PENUHKAN RUANG [A] SAHAJA)

A	Tarikh Kemalangan / Kematian	Tempat Kemalangan / Kematian	Waktu Kemalangan / Kematian Pagi / Petang / Malam
----------	------------------------------	------------------------------	--

B	Balai Polis di mana laporan dibuat	Tarikh Laporan
----------	------------------------------------	----------------

C	No. Laporan	Waktu Laporan Pagi / Petang / Malam	Laporan dibuat Oleh
----------	-------------	--	---------------------

Sila ceritakan dengan sepenuhnya bagaimana kemalangan tersebut berlaku.
(Ruang ini hendaklah dipenuhkan)



100000166010200001

III. JENIS TUNTUTAN YANG DIKEMUKAKAN (SILA TANDAkan DI RUANG BERKENAAN DAN PENUHKAN RUANG TERSEBUT)

- A TUNTUTAN KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN
- BERSAMA INI DILAMPIRKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT:
- LAPORAN POLIS (Kematian akibat kemalangan sahaja)
- SALINAN SIJIL KEMATIAN
- D TUNTUTAN KHAIRAT KEMATIAN (Kematian akibat sakit biasa)
- SALINAN PERMIT MENGUBURKAN

- B LUMPUH BERKEKALAN SELURUH BADAN AKIBAT KEMALANGAN
- C TERPISAH ATAU PUTUS ANGGOTA DARI BADAN ATAU KEHILANGAN PENGLIHATAN AKIBAT KEMALANGAN SEPERTI BERIKUT:
- SATU ATAU KEDUA-DUA BELAH TANGAN DI ATAS PERGELANGAN.
- SATU ATAU KEDUA-DUA BELAH KAKI DI ATAS BUKU LALI.
- KEHILANGAN KEKAL PENGLIHATAN SEBELAH ATAU KEDUA-DUA BELAH MATA.

BERSAMA INI DISERTAKAN DOKUMEN BERIKUT:

- LAPORAN POLIS
- LAPORAN PAKAR PERUBATAN
- ELAUN KERUSI RODA

PENGESAHAN DOKTOR YANG MERAWAT

Adalah dengan ini disahkan pelajar ini telah mengalami kehilangan keupayaan kekal iaitu lumpuh berkekalan seluruh badan / terpisah atau putus anggota dari badan atau kehilangan penglihatan. (Sila nyatakan salah satu seperti di ruang B atau C).

Tarikh

Nama Doktor
Cop Hospital / Klinik

- E TUNTUTAN ELAUN TUNAI HOSPITAL DI HOSPITAL / KLINIK KERAJAAN / SWASTA AKIBAT KEMALANGAN

NAMA HOSPITAL / KLINIK _____

TEPOH DIWADKAN DARI _____ HINGGA _____

BERSAMA INI DISERTAKAN DOKUMEN DOKUMEN BERIKUT:

- LAPORAN POLIS - JIKA BERLAKU DI LUAR KAWASAN SEKOLAH
- LAPORAN SEKOLAH - JIKA BERLAKU DI KAWASAN SEKOLAH
- WARD CHIT / AKUAN KEMASUKAN HOSPITAL / DISCHARGE TICKET / NOTE

IV. ARAHAN PINDAHAN TERUS

Nota Penting : Nama Pemegang Akaun dan penandatanganan arahan kredit mestilah sama dengan lampiran A.

E-Pembayaran (Individu)

Nama Pemegang Akaun												
No. Mykad / Pasport												
Alamat Surat Menyurat												
Alamat E-mel												
No. Telefon												
Nama Bank												
No. Akaun Bank												
Tandatangan										Tarikh		

Terma-terma dan syarat-syarat

1. Kemudahan Kredit Terus hanya boleh digunakan bagi akaun bank yang diselenggara di Malaysia sahaja. Bagi pelanggan luar negara, kami akan menilai setiap kes sebelum membenarkan Kemudahan Kredit Terus ini.
 2. Kemudahan Kredit Terus Boleh digunakan untuk akaun bank seperti di lampiran A sahaja. Pembayaran kepada penerima lain akan dipertimbangkan berdasarkan setiap kes.
 3. Peserta / Pemilik Sijil perlu mengemukakan satu salinan buku simpanan bank atau penyata bank dan No. Kad Pengenalan / No. Pasport yang digunakan bagi membuka akaun bank untuk tujuan pengesahan.
 4. Jika salinan buku simpanan bank atau penyata bank tidak dikemukakan, penuntut dianggap telah mengesahkan bahawa butir-butir akaun di dalam borang ini adalah sah dan tepat.
- * Sekiranya butir-butir yang diberikan oleh Peserta / Pemilik Sijil tidak sah atau tidak tepat, mengakibatkan pembayaran Kredit Terus ke dalam akaun bank pihak ketiga, pembayaran dibuat itu masih dianggap pembayaran penuh bagi tujuan Bayaran Balik / Serahan / Pengeluaran Sebahagian / Tuntutan / Pembatalan / Lain-lain dan STMB tidak akan bertanggungjawab atas segala liabiliti, dakwaan dan permintaan pada masa kini dan juga pada masa hadapan yang berkaitan dengan Bayaran Balik / Serahan / Pengeluaran Sebahagian / Tuntutan / Pembatalan / Lain-lain.

V. PENGESAHAN DAN PERAKUAN

Bahawasanya saya _____ sebagai Guru Besar / Pengetua

atau Penolong Kanan (HEM) Sekolah _____ dengan ini mengesahkan bahawa pelajar berkenaan adalah pelajar sekolah ini dan layak menyertai serta mendapatkan manfaat dari Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia dan sepanjang pengetahuan saya punca kematian / kecederaan beliau adalah seperti mana yang dinyatakan pada borang ini dan saya mengaku bahawa semua pernyataan di dalam borang ini adalah benar dan betul seperti yang diketahui saya.

Tarikh

Tandatangan :

Jawatan :

Cop Sekolah :

LAMPIRAN A

Nama dan Alamat Sekolah

.....
.....
.....
.....

Tarikh :

Penolong Pengurus Besar, Bahagian Tuntutan
Syarikat Takaful Malaysia Berhad
Tingkat 23, Blok Annexe,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

TUNTUTAN SKIM TPSM

Nama Pelajar :

Kematian / Keilatan Kekal / Elaun Tunai Hospital / Elaun Kerusi Roda

Adalah saya dengan hormatnya memohon pembayaran manfaat tuntutan pelajar di atas dibuat atas :-

Nama :

Nama bank :

No. akaun :

Disertakan bersama salinan kad pengenalan / salinan surat beranak dan saya dengan ini mengesahkan penama tersebut adalah orang yang berhak kepada bayaran manfaat tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
Tandatangan Pengetua / Guru Besar / Guru HEM

Nama :

Cop Rasmi Sekolah :